



Jun Hoong berkongsi kejayaan melalui rakaman video kerana fokus kepada kejohanan Siri Terjun Dunia di Jepun bermula hari ini.

ANUGERAH SUKAN NEGARA 2017

Pengiktirafan lonjak semangat Jun Hoong

→ Ratu terjun negara kini sasar mencipta lebih banyak kejayaan besar

Oleh Aida Adilah Mat
aida_adilah@NSTP.com.my

■ Kuala Lumpur

Dinobatkan sebagai Olahragawati Kebangsaan 2017 buat kali pertama, menyuntik semangat buat ratu terjun negara, Cheong Jun Hoong memburu lebih banyak kejayaan gemilang selepas ini.

Mengakui terkilan kerana tidak dapat bersama menerima anugerah yang disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V itu kerana perlu fokus kepada kejohanan Siri Terjun Dunia di Jepun bermula hari ini, bagaimanapun mengakui dia cukup gembira dengan penganugerahan itu.

“Saya sangat kecewa kerana tidak dapat menerima anugerah itu, tetapi saya ada tanggungjawab lain dan semuanya adalah untuk satu tujuan yang baik iaitu berusaha membawa nama negara ke peringkat lebih tinggi dalam sukan terjun.

Suntik semangat

“Terima kasih atas pengiktirafan ini dan kepada semua, termasuk Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, MSN (Majlis Sukan Negara), ISN (Institut Sukan Negara),” katainya.

Jun Hoong menganggap penganugerahan itu sebagai tonik berharga buatnya menjelang temasya Sukan Komanwel di Gold Coast, Aus-

tralia bulan depan.

Bagaimanapun pemenang pingat perak Sukan Olimpik Rio dalam acara 10m terjun seirama itu mengakui banyak yang perlu dilakukan agar dapat kembali ke prestasi terbaik secepat mungkin.

Jun Hong dijadual turun beraksi dalam acara 10 meter seirama bergandingan dengan Pandelela Rinong, di Jepun hari ini. Selain itu, satu lagi gandingan terjun negara, Nur Dhabitah Sabri dan Leong Mun Yee akan beraksi dalam acara 3m papan anjal seirama.

Pada siri yang pertama di Beijing, China, gandingan Jun Hoong bersama Pandelela meraih pingat perak dalam 10 meter platform seirama.